



Ambank (M) Berhad (8515-D)
AmIslamic Bank Berhad (295576-U)



Syarat-Syarat dan Terma-Terma Kad Bank (PMPC)

Terma dan syarat berikut adalah tertakluk ke atas penggunaan Kad (selepas ini dirujuk sebagai 'Kad') yang dikeluarkan oleh AmBank (M) Berhad (8515-D) / AmIslamic Bank Berhad (295576-U) (selepas ini keduanya dirujuk sebagai 'Bank') dan berkuatkuasa ke atas sesiapa kad ini dikeluarkan (selepas ini dirujuk sebagai 'Pemegang Kad').

HAKMILIK DAN KEGUNAAN KAD

1. Kad ini sentiasa menjadi hakmilik Bank dan hendaklah diserahkan dengan serta merta kepada Bank apabila diarahkan.
2. Pemegang Kad hendaklah menyimpan Kad dengan selamat dan menggunakan Kad hanya untuk diri sendiri dan tidak boleh memindah milik atau menyandarkannya sebarang tujuan.
3. Pemegang Kad tidak boleh menukar, menulis, memadam atau menambah sebarang maklumat yang ada pada Kad dengan apa cara sekalipun. Pemegang Kad perlu menanggung kos penukaran Kad yang telah diubahsuai atau dirosakkan.
4. Pemegang Kad hendaklah memulangkan Kad dengan segera kepada pihak Bank jika Kad ralat, cacat atau rosak dan membuat permohonan segera bagi penukaran Kad tersebut.

KAD UNTUK MINOR

5. Kelayakan untuk Kad adalah untuk individu berumur antara 12 hingga 18 tahun dan memiliki Kad Pengenalan.
6. Kad perlu ditukar sebaik saja Pemegang Kad mencapai umur 18 tahun. Pemegang Kad dikehendaki datang ke cawangan Bank untuk menukar Kad. Tiada notis atau surat akan dikeluarkan oleh Bank untuk mengingatkan Pemegang Kad obligasi ini.
7. Kecuali seperti yang ditetapkan dalam Fasal 15, sehingga Pemegang Kad mencapai umur 18 tahun, ibubapa / penjaga Pemegang Kad adalah bertanggungjawab ke atas kesemua transaksi akibat dari penggunaan Kad dengan atau tanpa pengetahuan atau kebenaran Pemegang Kad. Segala rekod transaksi yang dikeluarkan oleh Bank adalah muktamad dan mengikat untuk semua tujuan yang diperuntukkan dibawah tanggungan Pemegang Kad dimana ia dihadkan kepada RM200 sehari atau had lain yang ditetapkan oleh Bank dari semasa ke semasa.

NOMBOR PENGENALAN PERIBADI ("PIN")

8. Semasa permohonan Kad dibuat, Bank akan mengeluarkan PIN (selepas ini dirujuk sebagai 'PIN') kepada Pemegang Kad untuk digunakan bersama Kad bagi pengeluaran wang atau pembayaran atau lain-lain perkhidmatan yang ditawarkan melalui Mesin Juruwang Automatik (ATM) Bank dan mesin lain yang mungkin diperkenalkan dari semasa ke semasa.
9. Pemegang Kad bertanggungjawab untuk merahsiakan PIN. Bank tidak mempunyai kuasa untuk melindungi maklumat sekiranya Pemegang Kad mendedahkan PIN tersebut kepada orang lain dan akibatnya Bank tidak akan bertanggungjawab keatas oleh penggunaan Kad tanpa kebenaran. Pemegang Kad memperakui bahawa Bank adalah bebas dari sebarang tuntutan dan liability dari mana-mana pihak akibat dari penggunaan Kad tanpa kebenaran.
10. Pemegang Kad mesti melaporkan dengan segera kepada Bank jika sampul PIN rosak dalam apa cara sekali pun. Bank akan menggantikan Kad dan PIN yang baru kepada Pemegang Kad.



Ambank (M) Berhad (8515-D)
AmIslamic Bank Berhad (295576-U)



Syarat-Syarat dan Terma-Terma Kad Bank (PMPC)

11. Untuk melakukan transaksi di terminal e-POS, Pemegang Kad perlu memasukkan PIN secara sulit di PIN Pad terminal Saudagar yang dilantik oleh Bank, ATM yang memperagakan logo Malaysian Electronic Payment System (1997) Sdn.Bhd. (MEPs) dan/atau ATM Bank untuk melaksanakan transaksi yang dianggap sebagai pengeluaran wang tunai daripada Bank.

TANGGUNGJAWAB KE ATAS URUSNIAGA DAN LAIN-LAIN

12. Kecuali seperti yang ditetapkan dalam Fasal 22, Pemegang Kad bertanggungjawab untuk sebarang transaksi yang dilaksanakan melalui Kad dan PIN sama ada dengan atau tanpa pengetahuan atau kebenaran Pemegang Kad.
13. Pemegang Kad bersetuju bahawa rekod Bank adalah bukti dah dan muktamad bagi sebarang urusan dengan Bank.
14. Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Klausa 7, Pemegang Kad hanya dibenarkan untuk mengeluarkan sehingga RM1,000 sehari (penetapan mungkir) atau sebarang jumlah sehingga maksimum RM5,000 diubah sendiri oleh Pelanggan melalui ATM atau apa-apa had lain sebagaimana yang ditentukan oleh Bank dari semasa ke semasa dengan atau tanpa pemberitahuan.
15. Pemegang Kad dengan ini memberi kuasa kepada Bank untuk mendebit akaun Pemegang Kad dengan semua jumlah yang dikeluarkan atau dipindahkan melalui penggunaan Kad sama ada dengan atau tanpa pengetahuan atau kebenaran Pemegang Kad.
16. Pemegang Kad tidak akan mempertanggungjawabkan Bank dan Saudagarnya, kakitangannya atau agennya sekiranya berlaku sebarang kerugian, kecacatan atau kerosakan disebabkan kerosakan mekanikal, ketidakefungsian atau penggunaan Kad, ATM dan/atau Terminal Belian Saudagar (Merchant's Purchase Terminal).

DEPOSIT WANG TUNAI

17. Wang tunai hanya boleh dimasukkan ke dalam mesin Deposit Tunai kami yang terletak di pusat perbankan elektronik yang tertentu dengan atau tanpa menggunakan kad kami.

PERUNTUKAN BAKI YANG MENCUKUPI

18. Pemegang Kad hendaklah memastikan baki akaun mencukupi bagi menampung pengeluaran, pemindahan wang dan lain-lain fi dan caj yang dikenakan oleh Bank dari semasa ke semasa.
19. Baki akaun yang ditunjukkan di skrin ATM atau rekod transaksi, belum termasuk deposit yang belum disahkan oleh Bank dan tidak boleh dianggap kedudukan muktamad akaun Pemegang Kad.

PENYATUAN TRANSAKSI PEMEGANG KAD

20. Bank atas budi bicaranya boleh menyatukan transaksi-transaksi Pemegang Kad.

KAD TIDAK DIPERAKUI

21. Bank tidak bertanggungjawab ke atas sebarang kerugian atau kerosakan yang berlaku sekiranya Kad tidak diterima laku atas sebarang sebab.



Ambank (M) Berhad (8515-D)
AmIslamic Bank Berhad (295576-U)



Syarat-Syarat dan Terma-Terma Kad Bank (PMPC)

KEHILANGAN, KEROSAKAN ATAU KECURIAN KAD

22. Pemegang Kad mesti melaporkan kepada Bank dengan segera dengan menghubungi nombor Pusat Hubungan AmBank yang tertera di ATM dan mengesahkan secara bertulis jika Kad hilang, rosak atau dicuri. Pemegang Kad tidak akan dipertanggungjawabkan atas transaksi Kad yang dilakukan selepas Bank menerima notis tersebut.

PENGGANTIAN, PEMBAHARUAN DAN PENAMATAN KAD

23. Bank berhak menamatkan penggunaan Kad pada bila-bila masa dengan atau tanpa memberi notis kepada Pemegang Kad dengan membatalkan Kad atau menolak permohonan.
24. Sebarang penggantian atau pembaharuan Kad tertakluk kepada terma dan syarat yang berkuatkuasa terutama Fasal 23 di atas.

CAJ, DUTI SETEM, KOS GUAMAN DAN PERBELANJAAN LAIN

25. Bank berhak mendebit akaun Pemegang Kad dan mengenakan fi dan caj (termasuk duti setem) untuk pengeluaran, penggantian atau pembaharuan Kad dan kos guaman dan perbelanjaan lain yang ditanggung oleh Bank dalam melaksanakan terma dan syarat ini.

PERKONGSIAN RANGKAIAN ATM DAN SAUDAGAR-YANG DILULUSKAN

26. Pemegang Kad dengan ini bersetuju terhadap penyertaan Bank dalam sebarang rangkaian ATM atau Terminal Belian Saudagar yang dikongsi dengan institusi kewangan lain menurut peruntukan informasi teknikal yang diperlukan untuk rangkaian operasi tersebut.
27. Pemegang Kad boleh melaksanakan sebarang transaksi yang dibenarkan di ATM atau Terminal Belian Saudagar yang dimiliki oleh Bank atau ahli Konsortium MEPs. Walaubagaimanapun, deposit wang tunai hanya dibenarkan di Terminal Deposit Wang Tunai milik Bank yang terletak di pusat perbankan elektronik yang tertentu.

LIABILITI BERSAMA DAN BERASINGAN

28. Adalah dipersetujui bahawa bagi Kad yang melibatkan akaun bersama, semua pemegang akaun bersama akan dipertanggungjawabkan secara bersama dan berasingan di bawah terma dan syarat ini, di mana perkataan yang membawa erti seorang hendaklah dianggap meliputi kesemua pemegang akaun bersama.

PERATURAN AKAUN SIMPANAN / SEMASA / AKAUN SIMPANAN-i / AKAUN SEMASA-i

29. Sebagai tambahan kepada terma dan syarat di atas, kaedah, peraturan, terma dan syarat Bank yang mengawal produk / khidmat tertentu juga terpakai dan mengikat Pemegang Kad dan sekiranya terdapat konflik di antara terma dan syarat masing-masing, terma dan syarat produk / khidmat akan mengatasi terma dan syarat ini.
30. Kad ini hanya dikeluarkan untuk pemegang-pemegang akaun Bank yang mana akaunnya boleh dikendalikan oleh tidak kurang daripada satu penandatanganan sahaja.



Ambank (M) Berhad (8515-D)
AmIslamic Bank Berhad (295576-U)

Syarat-Syarat dan Terma-Terma Kad Bank (PMPC)

PENGGUNAAN BAHASA

31. Sekiranya terdapat sebarang perbezaan atau percanggahan di dalam pentafsiran Terma dan Syarat ini, versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia bagi setiap Terma dan Syarat ini akan dianggap sebagai serupa dan setiap Terma dan Syarat yang ditetapkan membawa makna yang sama.

PERLINDUNGAN DAN PENGGUNAAN MAKLUMAT PERIBADI

32. Apa-apa maklumat peribadi yang diberi oleh Pemegang Kad kepada Bank untuk pengeluaran dan kegunaan Kad akan dilindungi dan dijamin sewajarnya melalui perlindungan fizikal, elektronik dan aturan prosedur yang menepati undang-undang dan peraturan yang dikenakan.

33. Apa-apa maklumat peribadi yang diberi oleh Pemegang Kad kepada Bank untuk pengeluaran dan kegunaan Kad ini tidak akan digunakan oleh Bank selain untuk tujuan yang dimaklumkan kepada Pelanggan, tujuan yang dijangka secara munasabah oleh Pelanggan, tujuan yang dikehendaki, dibenarkan dan dibolehkan dari segi undang-undang dan tujuan yang dibenarkan oleh Pelanggan.

NOTIS

34. Sebarang notis yang dihantar melalui pos biasa ke alamat terakhir Pemegang Kad mengikut rekod Bank, dianggap terlaksana sama ada diterima atau tidak oleh Pemegang Kad.

PINDAAN TERMA DAN SYARAT

35. Bank berhak meminda, menambah atau membatalkan terma dan syarat ini pada bila-bila masa menurut budi bicaranya.

PEMBELIAN ePOS

36. Sekiranya berlaku pertikaian mengenai kualiti, keutuhan atau ketidaksediaan barangan atau perkhidmatan, Pemegang Kad mesti menyelesaikan pertikaian dengan Saudagar dan pihak Bank tidak akan bertanggungjawab di atas kejadian tersebut.

DEFINISI

37. Di dalam terma dan syarat ini, melainkan dinyatakan sebaliknya, perkataan berikut akan membawa makna seperti dibawah:

| | |
|-------------------|--|
| “ATM” | Bermaksud mesin teller automatik, sama ada dimiliki oleh Bank atau bank lain atau institusi kewangan lain yang menyertai atau yang dimiliki oleh rangkaian MEPS atau ATM Global Visa atau rangkaian gabungannya, di mana Bank mempunyai pengaturan yang masih wujud dengannya bagi membolehkan Pemegang Kad menggunakan Kad ini di mesin berkaitan |
| “Terminals e-POS” | Bermaksud terminal jualan elektronik yang membenarkan pembelian, di mana amaun akan di tolak secara terus dari akaun Deposit pelanggan, mana-mana yang utama. |
| “Saudagar” | Bermaksud mana-mana penyedia perkhidmatan yang diberi kuasa memasang |



Ambank (M) Berhad (8515-D)
AmIslamic Bank Berhad (295576-U)

Syarat-Syarat dan Terma-Terma Kad Bank (PMPC)

| | |
|-------------------|---|
| | Terminal Belian bagi barangan atau perkhidmatan untuk kegunaan Pemegang Kad. |
| “PIN Mailer” | Bermaksud “PIN Mailer” yang disediakan untuk Pemegang Kad yang mengandungi PIN yang membenarkan Pemegang Kad melakukan transaksi di ATM atau terminal belian. |
| “Terminal Belian” | Bermaksud terminal jualan elektronik atau mana-mana terminal perbankan elektronik lain yang digunakan oleh Bank dan Saudagar. |